

DASAR PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

A. Pengenalan

- (1) Yayasan Sofa (No.Pen.0202/04/09) sedang menjalankan usaha untuk melindungi data peribadi yang dibekalkan oleh anda kepada Yayasan Sofa bagi memastikan pematuhan kepada keperluan undang-undang dan peraturan selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("Aktatersebut").
- (2) Bagi tujuan Dasar Perlindungan Data Peribadi ini, "data peribadi" mempunyai makna yang sama sepertimana yang terkandung di dalam Akta tersebut iaitu sebarang maklumat yang berkenaan dengan transaksi komersial yang:
 - (a) sedang diproses secara keseluruhannya atau sebahagiannya melalui peralatan yang dikendalikan secara automatik sebagai tindak balas kepada arahan yang diberikan bagi tujuan itu;
 - (b) direkodkan dengan niat bahawa ia sepatutnya diproses secara keseluruhannya atau sebahagiannya melalui peralatan itu; atau
 - (c) direkodkan sebagai sebahagian daripada system pemfailan yang berkaitan atau dengan niat bahawa ia sepatutnya menjadi sebahagian daripada sistem pemfailan yang berkaitan, yang berhubungan secara langsung atau tidak langsung dengan seorang subjek data, yang dikenal pasti atau boleh dikenal pasti daripada maklumat itu dan maklumat lain dalam milik seorang pengguna data, termasuk apa-apa data peribadi sensitif dan pernyataan pendapat tentang subjek data itu; tetapi tidak termasuk apa-apa maklumat yang diproses bagi tujuan perniagaan pelaporan kredit yang dijalankan oleh sesuatu agensi pelaporan kredit di bawah Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010.

B. Jenis Data Peribadi yang Dikumpulkan

- (1) Jenis data peribadi yang dikumpul adalah bergantung kepada jenis urusan atau transaksi anda dengan Yayasan Sofa.

C. Tujuan Pengumpulan Data Peribadi

- (1) Yayasan Sofa mungkin akan mengumpul, menyimpan, mengguna dan selainnya memproses data peribadi anda bagi tujuan-tujuan berikut:-
 - (a) memberikan perkhidmatan di bawah mana-mana perniagaan Yayasan Sofa kepada anda; atau
 - (b) memproses permohonan atau pendaftaran di bawah sebarang program dan/atau aktiviti-aktiviti yang diaturkan atau dikendalikan oleh Yayasan Sofa atau berkaitan dengan permohonan pekerjaan anda; atau
 - (c) memaklumkan anda berkenaan perkhidmatan atau pelancaran produk samada pada masa sekarang atau pada masa depan, berita terkini dan promosi termasuk penghantaran notis dan bahan pengiklanan dan/atau pemasaran kepada anda (termasuk notis melalui platform media sosial); atau
 - (d) menunaikan kewajipan dan tanggungjawab Yayasan Sofa di bawah Akta Syarikat 2016, Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 dan undang-undang, peraturan, arahan, garis panduan lain yang berkaitan dengan Yayasan Sofa; atau
 - (e) penyimpanan rekod dalaman

D. Pendedahan

- (1) Yayasan Sofa mungkin mendedahkan data peribadi anda kepada pihak ketiga yang dikategorikan seperti berikut sepertimana yang diperlukan bagi mana-mana tujuan yang terkandung di dalam Bahagian C(1) di atas atau untuk tujuan-tujuan lain yang sah:-
 - (a) Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Pegawai Pemegang Harta Bahagian Insolvensi Malaysia, mana-mana pihak, perbadanan atau agensi kerajaan di bawah undang-undang atau perintah, arahan atau peraturan sebarang badan berkanun atau pihak berkuasa yang berkenaan;
 - (b) mana-mana syarikat berkaitan dan anak syarikat Yayasan Sofa;
 - (c) juruaudit, perunding, akauntan, peguam atau penasihat kewangan atau profesional yang lain termasuk institusi kewangan yang berkaitan;
 - (d) sesiapa orang rujukan di mana maklumat berkenaannya telah diberikan oleh anda;
 - (e) sebarang institusi kewangan, peguam, dan penasihat profesional yang dilantik oleh anda;
 - (f) sebarang pihak yang mempunyai kewajipan kerahsiaan kepada Yayasan Sofa; dan/atau
 - (g) sebarang entiti lain yang Yayasan Sofa anggap patut.

E. Polisi Perlindungan

- (1) Yayasan Sofa akan mengambil langkah-langkah praktikal untuk melindungi data peribadi anda daripada kehilangan, penyalahgunaan, pengubahsuaian, akses atau pendedahan yang tidak dibenarkan atau tidak sengaja, perubahan atau pemusnahan dengan mengambil kira tentang:-
 - (a) sifat data peribadi itu dan kemudaran yang mungkin timbul;
 - (b) tempat atau lokasi di mana data peribadi itu disimpan;
 - (c) sebarang langkah keselamatan yang terkandung dalam sebarang peralatan di mana data peribadi itu disimpan;
 - (d) langkah-langkah yang diambil bagi memastikan kebolehpercayaan, integriti, dan kewibawaan personel yang mempunyai akses kepada data peribadi itu; dan
 - (e) langkah-langkah yang diambil bagi memastikan pemindahan selamat data peribadi itu.
- (2) Yayasan Sofa akan memastikan bahawa sebarang dasar keselamatan yang diwujudkan atau dilaksanakan oleh Yayasan Sofa adalah mematuhi tahap keselamatan yang dikehendaki di bawah Akta tersebut dan sebarang undang-undang yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

F. Tahap Penyimpanan

- (1) Sebarang data peribadi yang diberikan oleh anda akan disimpan oleh Yayasan Sofa bagi tempoh masa setakat yang diperlukan untuk memenuhi tujuan-tujuan yang dinyatakan di Bahagian C(1) di atas atau sebagaimana yang dibenarkan oleh mana-mana undang-undang yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.
- (2) Jika sebarang data peribadi tidak lagi diperlukan bagi tujuan ia diproses, Yayasan Sofa akan mengambil langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa data peribadi tersebut adalah dimusnahkan atau dipadamkan secara kekal.
- (3) Anda boleh menghantar permintaan anda untuk mengakses data, pembetulan data atau sebarang pertanyaan kepada Yayasan Sofa secara bertulis di alamat berikut:

Untuk Perhatian : Setiausaha Syarikat

Alamat Surat-menyurat : B104, Jalan 13D, Desa Permai
Taman Dato' Ahmad Razali, 68000
Ampang, Selangor

Tel: 03-4266 0669

Fax: 03-4266 4187

PERNYATAAN PRIVASI & PERSETUJUAN

Melalui penghantaran Borang ini bagi tujuan menerima berita terkini, bahan atau emel promosi dan pemasaran daripada Yayasan Sofa (No.Pen.0202/04/09), anda dengan ini mengesahkan bahawa anda telah membaca dan memahami sepenuhnya Dasar Perlindungan Data Peribadi Yayasan Sofa yang terkandung di dalam laman web ini dan bahawa anda memberi persetujuan kepada pengumpulan, penggunaan, pemprosesan dan pendedahan data peribadi anda oleh Yayasan Sofa selaras dengan Dasar Perlindungan Data Peribadi tersebut.